

Perutusan Sempena Perayaan Hari Deepavali 2002

Pejabat Perdana Menteri, 2 November 2002

Saya dan isteri saya mengucapkan selamat menyambut Hari Deepavali kepada semua rakyat Malaysia yang beragama Hindu.

2. Hari ini kita semua rakyat Malaysia dapat sekali lagi meraikan perayaan Deepavali, ataupun perayaan cahaya, dalam suasana aman harmoni dan penuh kegembiraan.
3. Inilah antara banyak nikmat yang dapat dikecapi oleh rakyat Malaysia. Walaupun kita terdiri daripada kaum yang berbeza-beza, yang mengamalkan agama, bahasa dan budaya yang berlainan, semangat perpaduan dan kerjasama yang diamalkan sesama kita selama ini telah membawa bangsa dan negara kita ke arah keamanan dan kesejahteraan. Perbezaan antara kita menjadikan kita satu masyarakat yang kaya dengan budaya. Perbezaan ini juga menjadi faktor penyatu yang dikagumi masyarakat luar negara kita.
4. Malaysia adalah sebuah negara Islam yang majoriti penduduknya beragama Islam. Tetapi hak kaum lain untuk mengamalkan agama dan budaya anutan mereka terjamin dalam Perlembagaan negara. Sebenarnya jaminan ini secocok dengan ajaran Islam. Kaum minoriti di negara ini tidak perlu berasa terancam ataupun takut akan kehilangan identiti mereka.
5. Namun begitu, kebelakangan ini Kerajaan sedar tentang wujudnya kelonggaran di dalam perhubungan antara kaum, terutama sekali di kalangan golongan muda yang kurang bercampur gaul sesama mereka. Mereka lebih cenderung bercampur antara kaum masing-masing sahaja.
6. Ini tidak sihat bagi masa depan negara. Malaysia tidak akan maju jika rakyat tiada perpaduan dan persefahaman. Demi kepentingan negara, Kerajaan akan mengambil beberapa langkah untuk menggalakkan pergaulan antara kaum, terutama di kalangan golongan muda untuk meningkatkan keharmonian rakyat.
7. Kita perlu membina satu masyarakat yang mampu hidup bersama, bekerja dan bermain bersama kerana inilah yang telah menjadi asas kepada kejayaan Malaysia. Kita tidak boleh terlalu selesa dengan kejayaan kita. Sebaliknya kita harus terus berusaha untuk mencapai kejayaan yang lebih tinggi.
8. Sempena Deepavali yang diraikan oleh penganut agama Hindu untuk menandakan kemenangan melawan kejahatan, marilah kita bersama-sama sebagai rakyat Malaysia memperkuatkan azam untuk

meningkatkan usaha kita bagi mencapai keharmonian dan perpaduan antara kaum.

9. Kita telah berusaha dengan gigih sepanjang negara kita merdeka dan telah melihat hasil kejayaan kita membangunkan negara dan memakmurkan rakyat secara adil dan saksama. Marilah kita mengambil iktibar dan menghargai nikmat kehidupan kita hari ini sebagai rakyat Malaysia yang bertuah.

10. Kita harus teruskan tradisi dan budaya kita sebagai rakyat Malaysia dengan mengadakan rumah-rumah terbuka. Gunakan hari ini untuk mengeratkan lagi hubungan sesama kita.

11. Sekali lagi saya dan isteri saya mengucapkan Selamat Hari Deepavali kepada semua rakyat Malaysia yang beragama Hindu.